

KL-Bangkok tubuh pasukan khas tingkat kerjasama

Anwar, Srettha turut bincang hasrat PROTON buka kilang EV di Thailand

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Thailand bersetuju menubuhkan pasukan petugas bagi merencanakan kerjasama dua hala dalam sektor pertanian, pelancongan, perdagangan, perniagaan termasuk halal serta keselamatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu dipersetujui pada mesyuarat dua hala bersama rakan sejawatnya, Srettha Thavisin, semalam.

Anwar berkata, pada mesyuarat bilateral antara beliau dengan Srettha, kedua-dua pihak bersetuju adakan pertemuan semula dalam tempoh sebulan bagi menilai dan melihat perkembangan pasukan petugas itu.

Katanya, laporan berkaitan pasukan petugas khas berkenaan perlu disiapkan dalam tempoh sebulan bagi memastikan pelaksanaannya lancar serta berkesan.

"Ini amat jarang berlaku pada perbincangan yang pragmatik apabila Malaysia dan Thailand

bersetuju menubuhkan beberapa pasukan petugas dalam sektor berkaitan.

"Saya yakin perkara ini mampu direalisasikan berdasarkan prestasi Srettha dalam bidang korporat dan keseriusannya yang praktikal, kami akan bertukar nota untuk memastikan ia boleh dilaksanakan dengan berkesan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat itu semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau amat berharap hubungan baik Malaysia dan Thailand berupaya meningkatkan lagi sektor perdagangan serta pelaburan yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Anwar berkata, mesyuarat terbabit turut membincangkan hasrat syarikat automobil, Geely dan PROTON yang mahu membuka kilang kenderaan elektrik (EV) di Thailand.

Katanya, beliau meminta syarikat berkenaan berbincang dengan Srettha mengambil kira pengalaman luas Thailand dalam industri terbabit.

Sementara itu, Srettha pada sidang media sama, menyambut baik hasrat itu dan sedia mengadakan perbincangan lanjut berhubung perkara itu.

"Berhubung pelaburan langsung asing Malaysia ke Thailand, Anwar ada menyentuh mengenai PROTON dan Geely mahu membina kilang EV di Thailand. Selepas ini kami akan berbincang mengenainya," katanya.

Srettha berkata, Thailand pula

berhasrat mendapatkan pengiktirafan sijil halal Malaysia bagi meningkatkan pengeluaran produk makanannya ke peringkat antarabangsa.

Intai sijil Halal Malaysia

Katanya, Malaysia memiliki jenama halal yang boleh membantu Thailand memasarkan produknya ke seluruh dunia.

"Thailand negara yang mempunyai keselamatan makanan, selain dilengkapi produk pertanian yang maju. Kami merasakan boleh meningkatkan produktiviti dalam sektor terbabit.

"Dengan pensijilan (Halal Malaysia) itu, kita boleh meluaskan pasaran produk halal (Thailand) ke seluruh dunia dan secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi produktiviti," katanya.

Menyentuh perbincangan mengenai isu keselamatan terutama di selatan Thailand, beliau berkata, mereka bersetuju meningkatkan perdagangan supaya kepesatan dapat dinikmati rakyat di kawasan berkenaan.

"Selama ini kita sudah menikmati sejumlah besar perdagangan antara kedua-dua negara, dan saya berpandangan jumlah itu perlu ditingkatkan lagi.

"Kami akan menetapkan sasaran baharu dan berharap dapat mencapai sasaran ini dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata, Thailand juga sedia memainkan peranan untuk meningkatkan jumlah pelancong di kedua-dua negara.